

Majlis Perasmian Seminar 1Malaysia Jati Diri Kebangsaan : Manhaj Islami



MUTIARA HADHARI

Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka sendiri merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

Surat Ar-Ra'd ayat 11

Menarik Di Dalam

- Kursus Training Of Trainer Zon Sabah >>ms4
- Bengkel, Postmortem & Pemurnian Resolusi Seminar Jati Diri Kebangsaan >>ms6
- Kursus/ Seminar/ Program >>ms8
- Keratan Akhbar >>ms10

Petikan Ucapan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom, (B), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri berhubung Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahuluikan Pencapaian Diutamakan.

“...sebagaimana yang kita sedia maklum, Gagasan 1Malaysia yang berpaksikan prinsip “Rakyat Didahuluikan” Per capaian Diutamakan bertujuan untuk memperkuatkan hubungan dan kerjasama erat antara rakyat pelbagai kaum di negara ini. Bagi menjayakan misi tersebut, kita memerlukan sokongan padu daripada seluruh rakyat di negara ini. Justeru, semua pihak perlu bersama bergandingan dan terus berusaha untuk merealisasikan hasrat murni Kerajaan ini”.

“...antara resepi kejayaan Malaysia selama ini ialah keupayaan kita mengamalkan prinsip kesederhanaan yang berimbang (Wasatiyyah), baik dalam aspek pembangunan ekonomi, pendidikan, siasah, dan sosio-budaya”.

“...Gagasan 1 Malaysia yang diperkisasikan melalui konsep wasatiyyah bagi melahirkan pemimpin dan masyarakat Islam yang sederhana, tidak melampau, mengamalkan budaya pemikiran rasional dan tindakan yang berimbang. Konsep Wasatiyyah melalui prinsip kesederhanaan berimbang, diambil daripada pendekatan bijaksana yang diambil oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah. Baginda tidak berfindak ekstrim dalam mengurustadbir negara dan amat menjaga hubungan antara kaum. Oleh kerana itu, Baginda SAW dikenali sebagai pemimpin unggul yang disegani, berhikmah, menerima pandangan sahabat serta diterima oleh masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa, budaya dan agama”.

“...Gagasan 1 Malaysia yang menjadi dasar utama pembangunan negara pada masa kini bertujuan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan resam budaya. Konsep 1Malaysia Rakyat Didahuluikan Pencapaian Diutamakan bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru yang hilang akar umbinya, tetapi ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedar ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan negara dan keharmonian masyarakat”.



JAKIM

Naskah Percuma

ISSN 1985 - 5915



9771198519159 1005

Malaysia

Sidang Redaksi

Penaung

Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz

Penasihat

Haji Othman bin Mustapha

Ketua Editor

Haji Mohamad Nordin Bin Ibrahim

Editor

Hakim bin Ahmad

Sidang Editor

Yaacob bin Abd Rahim
Mariah binti Ismail
Jamali bin Mohd. Adnan
Ab. Khawi bin Che Ab. Rahman
Ahmad Shahrom bin Zamri
Hasli bin Othman
Ahmad Rijal bin Ghazali
Tuan Mohd Shahimi bin Tuan Ab Rahman

Penolong Editor

Zainab binti Junoh
Nur Amir Sharifudin bin Abdul Wahid

Pembantu Editor

Rosilawati binti Awang
Mohd Fairuz Syauqi bin Elias

Edaran

Hussin bin Razak (Ketua)
Noriah bt Mohd Daud
Hafizah bt Ahmad Dahan
Noor Haslin bt Othman
Muammar Zamri bin Mohamad
Mohd Nasyaruddin bin Ramli

Jurugambar

Muhammad Hafiz bin Razali
Abdull Rasyid bin Kamaruddin

Rekabentuk

OMR Press Sdn. Bhd.
T: 03-8024 6396 F: 03-8024 6936

Kandungan

Retreat Bengkel Penilaian Pelan Strategik Pelaksanaan Pendekatan Hadhari Kementerian	3
Kursus Training Of Trainer Zon Sabah	4
Seminar 1Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami	5
Bengkel Pemantauan Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami	6
Syarahan Perdana oleh YAB Pehin Sri Tan Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak	7
Kursus / Seminar / Program	8
Keratan Akhbar	10
Bersama YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri	11
Senarai Nama Pegawai Kader Hal Ehwal Islam Di Kementerian/Negeri	12

Segala ulasan dan kritikan hendaklah dihantar kepada :

Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, JAKIM
Aras 1, Blok D7, Kompleks D,
Putra Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519, Putrajaya
Tel: 03-8886 4000 Faks: 03-8889 4951



Dari Meja Ketua Editor

Haji Mohamad Nordin Bin Ibrahim

Bismillahirrahmanirrahim.....

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan rahmat-Nya sekali lagi Buletin Hadhari Bil-6 berjaya diterbitkan untuk tatapan semua dengan paparan isu-isu serta aktiviti terkini program semasa berkaitan dengan Islam.

Gagasan 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang diperkenalkan Perdana Menteri merupakan satu gagasan dan idea yang menjadi pemangkin utama kepada agensi-agensi Islam dalam memperkasakan pengurusan hal ehwal Islam di samping menyusun strategi untuk membina kesepaduan rakyat Malaysia ke arah mencapai keutuhan ekonomi, politik dan hubungan kaum serta agama di negara ini.

Bagi tujuan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam merupakan antara agensi kerajaan yang paling awal memulakan usaha ke arah itu dengan mengadakan beberapa program bagi memastikan Gagasan 1Malaysia dihayati dan diterima sepenuhnya oleh rakyat Malaysia. Bermula dengan Persidangan Meja Bulat 1Malaysia pada 5 Mei 2009 yang mengumpulkan ramai tokoh cendikiawan Islam bersama menteri dan timbalan menteri, persidangan ini menghasilkan 16 resolusi yang bertujuan untuk memberi penjelasan serta mendapatkan kata sepakat mengenai Gagasan 1Malaysia agar tidak dipolimikkan oleh mana-mana pihak sehingga menjelaskan hak-hak dan kepentingan Umat Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu juga, Gagasan 1Malaysia 1Ummah berdasarkan konsep “Wasatiyyah” yang telah ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 Februari 2010 di Majlis Perjumpaan bersama Ulama’ dan Umara’ di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konsep ini bertujuan melahirkan pemimpin dan masyarakat Islam yang sederhana, tidak melampau, mengamalkan budaya pemikiran rasional dan tindakan yang berimbang. Konsep Wasatiyyah melalui prinsip kesederhanaan berimbang, diambil daripada pendekatan bijaksana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam piagam Madinah.

Seterusnya JAKIM dengan kerjasama Institut Islam Hadhari, UKM telah menganjurkan Seminar 1Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami pada 12 dan 13 Mei 2010 bagi memastikan hasrat Gagasan 1Malaysia terus dihayati. Sebanyak 14 kertas kerja telah dibentang dan 9 resolusi dihasilkan dalam seminar yang dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ianya menjadi medium kepada peserta dan masyarakat mendapatkan input-input berguna dalam memperkuuhkan lagi penghayatan Islam selari dengan konsep Gagasan 1Malaysia yang meletakkan keutamaan kepada kepentingan rakyat.

Adalah diharapkan agar segala usaha dan perancangan yang telah dilaksanakan oleh JAKIM memberi kesedaran mendalam khususnya kepada umat Islam dalam mendepani cabaran semasa. Melalui program-program yang berkonseptkan Gagasan 1Malaysia, ianya merupakan waktu dan medan terbaik untuk kita tunjukkan keindahan Islam kepada masyarakat umum melangkaui sempadan agama, kaum dan budaya.



Retreat Bengkel Penilaian Pelan Strategik Pelaksanaan Pendekatan Hadhari Kementerian (2006-2010)

Pada 25 hingga 27 Januari 2010, bertempat di Pusat Latihan Sarawak, telah diadakan program Retreat Bengkel Penilaian Pelan Strategik Pelaksanaan Pendekatan Hadhari Kementerian (2006-2010). Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menilai dan membincangkan tentang isu-isu berhubung pelaksanaan Pendekatan Hadhari Kementerian disamping menghasilkan satu pendekatan yang lebih efektif dalam melaksanakan program dan aktiviti Hadhari pada masa hadapan. Bengkel ini telah disertai oleh Pegawai Kader Hadhari di Kementerian termasuk 3 peserta yang baru ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Melaka, Perlis dan Terengganu serta pegawai dan kakitangan daripada JAKIM Cawangan Sarawak dan Pusat Latihan Sarawak. Tuan Haji Abd. Halid bin Sintol, Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM telah mempengerusikan sesi perbincangan manakala Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari UKM dan Tuan Haji Wan Abd. Hamid bin Wan Teh Karyawan Tamu di Institut Islam Hadhari UKM (kedua-duanya adalah Panel Pemikir Pendekatan Hadhari) bertindak selaku fasilitator program. Bengkel ini turut diserikan dengan 2 sesi pembentangan daripada pihak MAMPU dan SPRM. Encik Mohd Zabri Yusoff daripada MAMPU Putrajaya telah membentangkan kertas bertajuk "Hadhari dan 1Malaysia: Tranformasi Minda" Manakala Encik Norazlan Mohd Razali daripada SPRM Cawangan Sarawak telah membentangkan kertas bertajuk "Keutuhan Dalam Pengurusan Organisasi".

Acara kemuncak yang paling mendapat perhatian peserta bengkel adalah sesi amanat dan diskusi bersama YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd. Aziz, Ketua Pengarah JAKIM. Dalam ucapan amanatnya, beliau telah menekankan tentang lima perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh setiap pegawai Hadhari Kementerian, Jabatan dan Negeri. Beliau mengharapkan agar setiap Pegawai Hadhari sentiasa fokus, bertindak secara intelektual dan bersikap positif sebagai peneroka dakwah di agensi masing-masing. Walau pelbagai cabaran yang diterima, Pegawai Hadhari hendaklah bijak bertindak dan menyelesaikan masalah secara bersama dengan pihak sekretariat di JAKIM. Beliau menyarankan agar program Pendekatan Hadhari dilaksanakan secara lebih kreatif, melibatkan kerjasama semua pihak di peringkat Kementerian, Negeri, agensi-agensi Kerajaan, IPTA/S serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO's). Untuk itu, khidmat Panel Pemikir Hadhari hendaklah digunakan semaksima mungkin sebagai rujukan utama Pegawai Hadhari. Sementara itu, beliau mengharapkan agar program Executive Talk dan Intellectual Discourse berhubung Pendekatan Hadhari perlu diperhebatkan.

Bengkel yang berlangsung selama 3 hari ini telah ditangguhkan oleh Tuan Haji Mohamad Nawi bin Abu Bakar, Pengarah JAKIM Cawangan Sarawak. Dalam ucapan penutupnya, beliau amat mengalu-alukan penggunaan kemudahan dan peralatan yang terdapat di Pusat Latihan Sarawak kepada pihak pelaksana Pendekatan Hadhari samada di Peringkat Kementerian mahupun Negeri. Bagi pihak penganjur program, Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Retreat Bengkel Hadhari pada kali ini.





Kursus Training Of Trainer Zon Sabah

Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, JAKIM dengan kerjasama JAKIM Cawangan Sabah telah mengadakan Kursus Training Of Trainer (ToT) Peringkat Zon Sabah pada 19 - 22 April 2010, bertempat di Pusat Latihan Islam Kundasang (PLI) Sabah. Kursus pada kali ini berlangsung selama 4 hari 3 malam dan merupakan kursus ToT paling berjaya terutamanya penyertaan peserta paling ramai iaitu melibatkan 41 orang yang terdiri dikalangan pegawai-pegawai JAKIM Caw Sabah, JAWI Caw. Labuan, Jabatan Agama Islam Negeri (JHEAINS), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan Bahagian Agama Dan Kaunseling (BAKA), PDRM.

Sepanjang kursus ToT para peserta diberi pendedahan mengenai objektif Modul Kursus Pendekatan Islam Hadhari iaitu Kursus Bina Insan, Bina Taqwa, dan Tasawwur Islam. Kursus pada kali ini juga banyak memberi fokus kepada para peserta menjalani proses simulasi terutama pengendalian slot penghayatan bagi mengenal pasti peserta yang berpotensi dan berkabut sebagai fasilitator dalam mengendalikan slot penghayatan bagi ketiga-tiga modul. Sementara itu, Ustaz Awang Juri bin Awang Tahir dalam ucapannya selaku penghulu kursus telah memuji usaha JAKIM, kerana berjaya menyediakan modul yang amat berkesan sebagai metod dakwah pada masa kini yang mampu menarik serta menyentuh jiwa para peserta terutama slot-slot penghayatan yang terdapat bagi setiap modul. Pendekatan seumpama boleh diistilahkan sebagai pendekatan dakwah baru dan ianya amat bersesuaian dengan era teknologi ICT masa kini serta mampu memberi impak yang mendalam kepada peserta yang mengikuti kursus.



Penangguhan kursus disempurnakan oleh YBhg. Tn. Hj. Abd Aziz bin Mohammad Pengarah JAKIM Cawangan Sabah. Antara ucapannya beliau menjelaskan objektif kursus adalah untuk melahirkan pasukan fasilitator yang mantap bagi membantu JAKIM mengerakkan pelaksanaan modul kursus Pendekatan Islam Hadhari yang giat dilaksanakan dipelbagai peringkat kementerian dan agensi terutama di Negeri Sabah. Oleh itu, adalah menjadi harapan pihak JAKIM agar para peserta yang mengikuti kursus ToT bersedia menjadi tenaga fasilitator khususnya membantu Pusat Latihan Islam Kundasang yang menjadi pilihan utama kebanyakan kementerian dan jabatan untuk melaksanakan kursus mereka di sini.



Seminar 1Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjur Seminar 1 Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami pada 26 dan 27 Rabiulawal 1431H bersamaan 12 dan 13 Mac 2010M bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri. YB Senator Dato' Dr. Mashitah Binti Ibrahim, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri turut hadir dalam majlis perasmian tersebut.

Sepanjang dua hari seminar berlangsung, sebanyak 14 kertas pembentangan yang merangkumi bidang pendidikan, perundungan dan syariah, komunikasi dan media, sains dan teknologi, hubungan etnik serta pentadbiran dan pengurusan telah dibincangkan. YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz, Ketua Pengarah Jakim turut membentangkan kertas kerja bertajuk Strategi, Kaedah dan Pelaksanaan Dakwah Dalam Membina Jati Diri Kebangsaan. Sebanyak 9 resolusi telah dihasilkan daripada seminar ini. Antaranya ialah :

- Menginsafi bahawa konsep 1Malaysia bukanlah konsep Malaysian Malaysia,
- Menyedari dan merealisasi bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan (Islam ialah agama bagi Persekutuan),

- Menggesa agar pengajaran sains di semua peringkat pendidikan negara hendaklah berteraskan kepada pendidikan Sains Tauhidik (sains berasaskan ketuhanan),
- Menggesa agar pihak kerajaan memastikan agenda pembangunan negara tidak mengabaikan warisan sejarah dan tradisi hidup umat di negara ini,
- Menyeru agar semua rakyat Malaysia menerima seutuhnya keluhuran Perlembagaan Persekutuan dalam hubungan etnik dari pelbagai aspek; sosiopolitik, ekonomi, agama, bahasa dan budaya,
- Menginsafi bahawa sejarah telah membuktikan kejatuhan sebuah tamadun disebabkan ketiadaan integriti, khususnya amalan rasuah yang berleluasa dalam sebuah negara, maka seminar ini menegaskan bahawa usaha membasi rasuah perlu diperkasakan di semua peringkat

YBhg. Tuan Haji Othman bin Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim yang mewakili YBhg. Dato' Ketua Pengarah Jakim telah menyempurnakan majlis penutupan seminar berkenaan. Dalam ucapan penutupnya, beliau merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Institut Islam Hadhari UKM, yang memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan seminar ini. Beliau juga turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Pejabat YAB Ketua Menteri Sarawak dan Rumah Sarawak, PDRM, Jabatan Penerangan, DBKL, Jabatan Kesihatan, JAWI, Masjid Wilayah Persekutuan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar tersebut.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menghadiri Bengkel Pemantauan Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami pada 21 Rabiulakhir 1431H bersamaan 6 April 2010M (Selasa) bertempat di Residence Hotel Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Bangi Selangor.

Bengkel yang dianjur oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini bertujuan untuk menyelaras resolusi, post mortem program dan penerbitan buku hasil pembentangan kertas kerja dalam Seminar 1Malaysia: Jati Diri Kebangsaan yang telah diadakan pada 12-13 Mac 2010 yang lalu. Bengkel yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari UKM turut dihadiri oleh Tuan Haji Mohamad Nordin Ibrahim, Pengarah Bahagian Hadhari JAKIM (mewakili Timbalan Ketua

Pengarah Operasi JAKIM), Prof. Dato' Dr. Ismail Ibrahim, Prof. Dr. Khalijah Mohd Salleh, Prof. Dr. Abdul Latif Samian, Prof. Dr. Jawiah Dakir, Prof. Zakaria Stapa, Prof. Madya Dr. Ismail Bakar, pegawai-pegawai JAKIM dan pihak urusetia bengkel dari UKM.

Rumusan daripada bengkel ini, sebanyak 9 resolusi yang menyentuh isu sosio budaya, ekonomi, politik, kepimpinan, pendidikan dan agama telah berjaya diselaraskan. Peserta bengkel juga bersetuju untuk memasukkan resolusi tersebut ke dalam buku hasil Seminar 1Malaysia yang bakal diterbitkan. Sementara itu, bagi memperkuatkkan jalinan kerjasama pada masa hadapan, satu majlis menandatangani persefahaman antara JAKIM dan Institut Islam Hadhari UKM akan diadakan dalam masa terdekat.

Bengkel, Postmortem & Pemurnian Resolusi Seminar Jati Diri Kebangsaan



Syarahan Perdana oleh YAB Pehin Sri Tan Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Syarahan Perdana yang disampaikan oleh YAB Pehin Sri Tan Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak bertajuk "Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami" pada 12 Mac 2010M bersamaan 26 Rabiuulawal 1431H bertempat di Masjid Wilayah, Kuala Lumpur.

Majlis Syarahan tersebut turut dihadiri oleh YABhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang ke lima, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Haji Daud bin Abdul Rahman Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Pembangunan Perindustrian (Penggalakan dan Pembangunan Estet-Estet Perindustrian), Ashab Al-Samahah Mufti-mufti Negeri, Agensi-agensi di bawah YB Menteri, wakil-wakil dari Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri serta wakil-wakil Kementerian dan Jabatan di peringkat persekutuan dan negeri.

YAB Ketua Menteri dalam syarahnanya menyatakan bahawa imej Islam yang dipandang negatif oleh pihak Barat serta menyekat usaha-usaha dakwah di seluruh negara. Di antara usaha dan sekatan yang telah diperluaskan oleh pihak Barat kepada umat Islam iaitu serangan ideologi melalui media masa yang menjadi alat perhubungan yang sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat dan pendedahan yang negatif tentang agama Islam.

Selain itu juga, beliau menyarankan agar umat Islam di Malaysia memiliki persepsi yang positif terhadap agama Islam bagi menangani persepsi yang mengamalkan demokrasi yang terlalu bebas dan melampaui nilai-nilai murni. Oleh yang demikian sudah sampai masanya umat Islam mengambil langkah dan melakukan perubahan yang sewajarnya dalam menuju sebuah negara yang maju dan dicontohi oleh negara-negara lain. Tambah beliau lagi, sesungguhnya kasih sayang, sifat bertoleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain yang menjadi asas kebahagian masyarakat dalam kehidupan ini.



Kursus/ Seminar/ Program

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)



Kursus Bina Insan Zon Utara

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, JAKIM telah mengadakan Kursus Bina Insan Zon Utara di Grand Krystal Hotel, Alor Setar Kedah pada 19-21 Februari 2010 (Jumaat – Ahad). Seramai 38 orang peserta dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyertai kursus 3 hari 2 malam ini. Kursus ini merangkumi aspek jasmani dan rohani yang merangkumi ice Breaking, Solat Berjemaah, Wasiat Iman, Qiamullail, Ikrar Azam & Janji serta dua slot ceramah.

Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan

Kursus Pengurusan Masjid - Di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi Selangor

Pada 1 hingga 3 Mac 2010 Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah menghantar seramai 13 Ahli Jawatankuasa Surau Muhammadi Angkasapuri yang terdiri dari 3 perempuan dan 10 lelaki bagi mengikuti kursus Pengurusan Masjid yang telah diadakan oleh Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi Selangor. Surau Muhammadi adalah surau yang telah di beri kebenaran untuk mendirikan Solat Jumaat oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pihak Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Latihan Islam Malaysia kerana sudi memberi ruang dan tempat kepada peserta dari Kementerian. Menurut para peserta kursus ini amat berguna dan memberi manfaat dalam menjalankan urusan pentadbiran.



Kursus Bina Insan - Pusat Latihan Sarawak (PLS), Sarawak

Pada 11 hingga 13 Mac 2010, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan Kursus Bina Insan kepada pegawai Kementerian di negeri Sarawak bertempat di Pusat Latihan Sarawak (PLS). Seramai 32 pegawai dari pelbagai agensi di bawah Kementerian telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah mencatat sejarah tersendiri kerana penyertaan dari pegawai bukan Islam hampir separuh iaitu seramai 13 orang.

Selama kursus ini berlangsung, antara peserta Islam dan bukan Islam tidak dibezakan sama ada oleh fasilitator maupun urus setia yang bertugas. Cuma terdapat slot Anjung Nurani peserta bukan Islam diberi slot moral seperti mana yang terdapat dalam modul Bina Insan. Tinjauan juga di lihat kepada peserta bukan Islam mereka menyambut baik kursus ini kerana telah memberi kesedaran terhadap tanggungjawab mereka sebagai penjawat awam. Kursus kali ini adalah kursus yang paling berjaya dan komitmen daripada para peserta di luar.

Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi

Kursus Bina Insan (Siri 1/2010) yang telah diadakan pada 12 hingga 14 Mac 2010 bertempat di ILIM, Bangi. Peserta seramai 37 orang adalah dari Ibu Pejabat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang terdiri di kalangan pegawai gred 1-41. Majlis Penutup kursus ini telah disempurnakan oleh En. Yaakub bin Mohamad, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, MOSTI (Gred M54). Pihak Kementerian telah bekerjasama dengan pihak Pusat Pengajian Sains Dakwah, ILIM bagi menjayakan kursus selama 3 hari 2 malam.

Kursus Bina Insan



Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Kursus Bina Insan



Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengadakan Kursus Bina Insan pada 3-5 Mac 2010 bertempat di De Palma Hotel Sepang. Kursus ini berjaya dilaksanakan dengan kehadiran peserta seramai 39 orang dari pelbagai bahagian, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Di antara penceramah dan fasilitator yang mengendalikan kursus tersebut ialah Ustaz Mohd Azmi Abdul Hamid dan Encik Mohd Amin Mohd Amir dari KUIS, Ustaz Mohd Solhi Mohd Sharif, dari Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Pn. Hjh. Razinah bt Sohor, dari Seksyen Psikologi, NRE, dan Ustaz Mohd Redza Ahmad, Imam Masjid Mizan Zainal Abidin.

Tujuan Kursus Bina Insan ini diadakan adalah untuk membangunkan potensi peserta yang terdiri daripada pelbagai jabatan, agensi dan bahagian dalam NRE ke arah kecemerlangan diri, organisasi dan negara. Bersesuaian dengan matlamat membangunkan negara yang maju dengan tidak meninggalkan aspek keseimbangan rohani dan jasmani.

Majlis perasmian penangguhan kursus dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Encik Abdul Wahid Bin Abu Salim, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar.

Kementerian Kerja Raya

Kursus Penerapan Nilai Murni/ Islam

Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan berdasarkan kepada beberapa rasional iaitu Islam sebagai agama persekutuan dan kesinambungan kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam. Sehubungan itu, Kursus Penerapan Nilai-Nilai Murni telah dianjurkan oleh pihak kementerian dibawah Unit Hal Ehwal Islam, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Kerja Raya. Kursus ini telah diadakan pada 15 Mac 2010 bersamaan dengan 9 Rabiul Awal 1431H pada hari Isnin bertempat di Bilik Tanjung, Tingkat 6 Blok A Kementerian Kerja Raya bermula jam 8.30 pagi berakhir jam 5.00 petang. Pihak kementerian telah menjemput empat orang penceramah bagi menjayakan kursus penerapan nilai-nilai murni ini daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), di mana setiap penceramah telah diberikan tajuk ceramah masing-masing seperti berikut :

1. Us. Hj Hashim bin Salleh – Ilmu, Iman dan Amal; Pembentukan Pegawai dan Kakitangan yang Cemerlang.
2. Us. Zahrina bt Haron – Jihad dan hubungannya dengan organisasi.
3. Us. Nasir b Ahmad – Aktauntabiliti dan hubungannya dengan hari pembalasan.

Kursus Penerapan Nilai murni ini telah dihadiri seramai 116 orang peserta. Kursus ini diselaraskan oleh Ustazah Zahrina bt Haron selaku Pegawai Hal Ehwal Islam. Sementara urusetia majlis Ustaz Mohd Taufik bin Arshad, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, dan Cik Hafizati bt Mohd Din .

RUMUSAN

Maka, bolehlah dibuat rumusan bahawa segala penerangan yang diperolehi melalui Kursus Penerapan Nilai-Nilai Murni mencapai objektif yang diharapkan. Melalui kursus ini para peserta dapat memahami pendekatan sebenar yang boleh diaplิกasikan dalam perkhidmatan. Selain itu, banyak hasil dan manfaat yang telah dapat dilihat dan dinikmati bersama khususnya dalam budaya kerja.

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia

Tempat : Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Tarikh : 2 hingga 4 Mac 2010

Peserta : 28 orang

- i. Terdiri dari Kumpulan Profesional & Pengurusan serta Kumpulan Sokongan I & II
- ii. Peserta Lelaki 16 orang dan perempuan 12 orang

Kursus Tasawwur Islam





Bersama YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



1. Gagasan 1Malaysia 1Ummah dilihat sebagai usaha dalam memperkuatkan Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahului Pencapaian Diutamakan yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Apakah pandangan YB Dato' Sri berhubung perkara ini ?

Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahului Pencapaian Diutamakan yang menjadi dasar utama pembangunan negara pada masa kini bertujuan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa, agama dan resam budaya. Konsep 1Malaysia bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru yang hilang akar umbinya tetapi ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan dan keutuhan negara serta keharmonian masyarakat.

Gagasan ini sesuai yang seiring dengan tuntutan agama sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 "wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu sebagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)". Ajaran Islam amat menggalakkan perpaduan, hubungan akrab antara sesama insan khususnya pemimpin dan masyarakat dan dalam konteks urus tadbir kerajaan ianya amat membantu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan (*good delivery system*).

Oleh kerana Gagasan 1Malaysia sudah menjadi dasar utama kerajaan, justeru setiap agensi Kerajaan perlu merealisikannya dalam setiap program dan aktiviti yang dijalankan. Bagi mencapai hasrat murni tersebut di peringkat agensi Pengurusan Hal Ehwal Islam, kita telah memilih 1MALAYSIA 1UMMAH sebagai moto agensi-agensi agama Islam dan ianya telah dilancarkan sendiri oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abd Razak, Perdana Menteri kita dalam majlis bersama Ulama' dan Umara' di PICC Putrajaya pada 5 Februari 2010 yang lalu.

2. Apakah signifikan moto "1MALAYSIA 1UMMAH" dipilih sebagai tagline utama agensi Pengurusan Hal Ehwal Islam ?

Dalam konteks agensi pengurusan Hal Ehwal Islam yang merangkumi JAKIM, JKSM, JAWHAR, Jabatan Mufti, JAWI, IKIM, YADIM, Lembaga Tabung Haji, YaPEIM, MAIWP, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), IZO dan Al-Hijrah Media Corp. (AHMC); kita telah pun bersetuju meletakkan moto "1Malaysia 1Ummah" sebagai teras utama agensi. Hal ini difikirkan bersesuaian dan tepat pada masanya memandangkan cabaran besar kita untuk memenuhi ekspektasi 17 juta pelanggan yang terdiri dari kalangan rakyat Malaysia yang beragama Islam.

Jumlah tersebut mewakili 60,4% daripada keseluruhan rakyat Malaysia yang berjumlah 28,3 juta orang. Perlu diingat bahawa, uniknya umat Islam di negara ini adalah kerana terdiri dari kalangan pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, penduduk etnik pribumi Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta kaum-kaum yang lain. Oleh hal yang demikian, akan ada perbezaan yang ketara dari sudut pemikiran, amalan budaya, adat resam dan pengamalan harian. Justeru, kita mengambil pendekatan untuk menyemarakkan perpaduan di kalangan umat Islam yang pelbagai resam budaya ini di bawah moto 1Malaysia 1Ummah yang berpaksikan kepada pegangan akidah Islamiah.

3. Gagasan 1Malaysia 1Ummah ini dilihat hanya memberi fokus kepada Masyarakat Islam, bagaimanakah YB Dato' Sri melihat gagasan ini mampu diaplikasikan kepada masyarakat bukan Islam ?

Sebenarnya Gagasan 1Malaysia 1Ummah ini bertujuan untuk mempromosikan aspek perpaduan dalam hubungan sesama Islam dan masyarakat bukan Islam dengan lebih harmoni. Aspek perpaduan ini sangat penting bagi mengekalkan keamanan negara kerana bertitik tolak dari keamanan negara inilah akan merancakkan kesuburan ekonomi seterusnya memacu pembangunan dan ketamadunan yang terancang kearah melahirkan masyarakat Malaysia sejahtera.

Melalui Gagasan 1Malaysia 1Ummah ini, kita menekankan tentang perlunya masyarakat Islam bersatu di bawah akidah Islamiah dan mengamalkan pendekatan wasatiyyah (kesederhanaan yang berimbang) dalam kehidupan sehari-hari. Kepada masyarakat bukan Islam, kita memupuk semangat dan kefahaman terhadap Rukunegara dan Perlembagaan Negara kerana Gagasan 1Malaysia itu sendiri dicetuskan melalui

kerangka dan semangat Perlembagaan Persekutuan. Kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada setengah abad. Kemerdekaan Negara yang menjangkau 53 tahun bukanlah usia yang panjang. Walaupun bagaimanapun, dalam tempoh tersebut, kita terus mampu mempertahankan keamanan negara dan perpaduan masyarakat berkat perpaduan antara rakyat berbilang bangsa dan agama.

4. Berhubung dengan Konsep Wasatiyyah ini, sejauhmanakah YB Dato' Sri melihat konsep ini mampu direalisasikan dalam masyarakat berbilang kaum, resam dan budaya serta berbeza pandangan akidah ini.

Konsep Wasatiyyah diambil daripada semangat Piagam Madinah yang diperkenalkan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam membina sebuah negara yang kukuh perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama serta kuat berpadu dalam menghadapi ancaman propaganda musuh-musuh luar yang sentiasa mencari peluang memusnahkan keselamatan dan ketenteraman negara.

Semangat Piagam Madinah inilah yang kita contoh dalam usaha mewujudkan negara Malaysia yang maju, aman dan mempunyai masyarakat yang mengamalkan prinsip kesederhanaan yang berimbang (wasatiyyah), baik dalam aspek pembangunan ekonomi, pendidikan, siasah dan sosio budaya. Dalam masa yang sama, kita menolak segala kekerasan dan pendekatan secara melampau yang boleh merosakkan keamanan dan perpaduan di kalangan masyarakat yang kita dikehendaki selama ini. Ini kerana, sifat kesederhanaan adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW tidak bertindak ekstrim dalam mengurustadbir negara, baik dari segi kaedah penyebaran dakwah, siasah, pelaksanaan syariat malahan Baginda SAW amat menitik beratkan hubungan baik antara kaum. Oleh kerana itu, Rasulullah SAW diterima sebagai pemimpin unggul oleh segenap kelompok masyarakat di Kota Madinah.

Di bawah Gagasan 1Malaysia 1Ummah yang menekankan konsep wasatiyyah, kita menekankan bahawa; perlunya umat Islam di Malaysia bersatu di bawah payung aqidah 'Ahlu Sunnah Wal Jamaah'. Ini tidak bermaksud kita mengeneppikan perbezaan pandangan (*khilafiah*) di dalam Islam, bahkan kita amat meraikan perbezaan pandangan demi pembangunan umat Islam. Oleh kerana itu, hikmah perbezaan pandangan ini kita gunakan dalam konteks muamalah kita sehari-hari. Hal ini dapat dilihat seperti kita membangunkan institusi kewangan dan perbankan Islam, menyelesaikan masalah ammah, membangunkan pendidikan negara dan merubah paradigma masyarakat. Apa yang penting, kita tidak mahu sebarang unsur-unsur taksub melampau ini merosakkan masyarakat dan negara seperti yang telah berlaku di sejumlah negara umat Islam lainnya.

5. Akhirnya, apakah harapan YB Dato' Sri berhubung Gagasan 1Malaysia 1Ummah dan Konsep Wasatiyyah yang diperkenalkan ini ?

Saya berkeyakinan penuh bahawa gagasan ini dapat diterima oleh masyarakat seluruhnya. Kerana selama lebih 52 tahun kita merdeka, kita berjaya mengekalkan keamanan dan kesejahteraan hidup di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Apa yang penting, kita perlu bergerak bersama dalam pemikiran dan kefahaman (*wehdatul fikir*) serta bersama dalam bertindak (*wehdatul amal*). Untuk itu, semua agensi pengurusan Hal Ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu JAKIM, JKSM, JAWHAR, Jabatan Mufti, JAWI, IKIM, YADIM, Lembaga Tabung Haji, YaPEIM, MAIWP, YWM, IZO dan AHMC perlu memahami dan menghayati sepenuhnya konsep dan gagasan yang telah ditetapkan ini. Hal ini penting bagi menentukan halatuju yang jelas serta selari dengan hasrat Gagasan 1Malaysia 1Ummah dan Konsep Wasatiyyah. Dalam usaha tersebut, kita amat mengalaukan penglibatan semua pihak terutamanya agensi pengurusan hal ehwal Islam di peringkat negeri-negeri seluruh negara serta sokongan daripada badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs Islam).

Apa pun, saya melihat antara faktor terpenting yang menentukan sebuahnya kejayaan kita membangunkan bangsa dan negara Malaysia ini dapat dicapai; semuanya masih tertakluk kepada sebuah 8 Nilai 1Malaysia yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri dapat kita jatikam ke dalam setiap diri kita. 8 Nilai ini juga, akan menjadi pemacu dalaman kepada kita, agar mampu melaksanakan Konsep Wasatiyyah yang amat murni itu.

Senarai Nama Pegawai Kader Hal Ehwal Islam Di Kementerian / Negeri

Bil.	Nama Kader Gred S44	Nama Kader & Gred (S32/S27)	Agensi	No. Tel & Faks Pejabat
1.	EN. ABD. MALEK BIN RAMLI 014-2640344 malek@kbs.gov.my	PN. ANASALINA BT ABDUL SAMAD (S27) 012-3897890 anasalina@kbs.gov.my	KEM. BELIA DAN SUKAN	T : 03-8871 3558 (GL) T : 03-8871 3540 (DL - US) T : 03-8871 3537 (DL - UST) F : 03-8888 8772
2.	EN. MOHD SUHAIMI BIN MOHD YUSOF 019-6765511 suhaimi@bppsm.jpm.my	EN. MOHD FAIZAL BIN OMAR BAKI (S32) 012-3970089 mohamadfaizal@bppsm.jpm.my	JABATAN PERDANA MENTERI BLOK B8, KOMPLEKS B	T : 03-8872 3408 F : 03-8888 391
3	EN. MAHDI AL-HILMY BIN ARSHAD 013-3666 099 afiyekal@yahoo.com.my	PN. RAZINAH BT AKOP (S32) 012-3152265 razinah@moh.gov.my	KEM. KESIHATAN MALAYSIA	T : 03-8883 2634 (DL - US) T : 03-8883 2599 (DL - UST) F : 03-8888 6269
4	EN. BAHARUDDIN BIN MALEK 019-2102616	EN. MAHDI FAZILAT BIN HUSAIN (S32) 012-3843686 mah_ady76@yahoo.com.my	KEM. PERTAHANAN MALAYSIA	T : 03-2071 6136 T : 03-2059 8222 (DL - US. MAHDI FAZILAT) F : 03-2691 7217
5.	EN. MOHD AJIB BIN ISMAIL 012-5052771 mohdajib@islam.gov.my	EN. SULAIMAN BIN DIKON (S32) 013-3942927 dixon_sulaiman@yahoo.com	KEM. PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN	T : 03-2691 5124(DL - US) T : 03-2691 4022 (DL-US. SULAIMAN) Faks Sub : 03-2693 7233 F : 03-2691 5016 (Faks Pegawai Kader)
6.	EN. KHARUN NAIM BIN RAMLI 012-3574320 khairunnaim@moa.gov.my	PN. MERIANI BT. JAMALUDIN (S32) 012-2874120 meriani@moa.gov.my	KEM. PERTANIAN, INDUSTRI DAN ASAS TANI	T : 03-8870 1542 (DL - US) T : 03-8870 1498(DL- UST) F : 03-8890 5197 (Faks Pegawai Kader)
7.	KOSONG	NORAYATI BT WAHAB (S32) 013-8255670 norayatiwahab@yahoo.com	KEM. PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	T : 03-2094 7033 Samb 2365 F : 03-2094 9720
8.	PN. RABIAH BT IBRAHIM 012- 6046269 rabiahibritham04@yahoo.com	EN. BURHANUDIN BIN MAHMUD (S32) 012- 8686446 burhannizelang@gmail.com	KEM. PELAJARAN MALAYSIA	T : 03-8884 6000 (GL) T : 03-8884 7937 (DL) F : 03-8884 7922 (Faks Pegawai Kader)
9.	EN. NASRODDIN BIN MAT DAUD 013-2655373	PN. ROSHAIDA BT. JUSOH (27) 019- 2633936 roshaida@kwp.gov.my	KEM. WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR	T : 03-8889 7888 Faks Sub : 03-8888 0170 F : 03-8888 0375 (Faks Pegawai Kader)
10.	PN. MURSILALAILI BT MUSTAPAA SA'DI 012-3179958 laili@kpwk.m.gov.my	CIK NOOR ANIZA BINTI HAMZAH (S27) 013- 2231106 aniza@kpwk.m.gov.my	KEM. WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	T : 03-2614 3000/ 2693 0095 (GL) T : 03-2614 3192 (DL) F : 03-2698 6078
11.	EN. KHAIRUL AZAM BIN RAMLI 019- 2080890 khairodzam@motour.gov.my	PN. ZULINA BINTI SULAIMAN (S27) 012- 2239144 zulina@motor.gov.my	KEM. PELANCONGAN MALAYSIA	T : 03-40430462 (GL) T : 03-4047 4502 (DL) F : 03-40430595
12.	PN. SITI RAZMAH BT HJ IDRIS 012-6877026 razmah@ruralink.gov.my	EN. MOHD NAJIB BIN MOHD YUNOS (S27) 012- 2708015 najib@ruralink.gov.my	KEM. KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	T : 03-8886 3500 F : 03-8889 2096
13.	PN. KHAIRANI BT HUSIN 013-3792807 khairenhusin@mosti.gov.my	EN. MOHD NUR AZWAN BIN AB RAHAMAN (S27) 017- 9587896 nurazwan@mosti.gov.my	KEM. SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	T : 03-8885 8227/ 8343 F : 03-8888 9050
14.	PN. HAZIZAH BT YUSOF 019-2210877 hazizah@mot.gov.my	PN. ZAINAB BT MEJAH (S32) 012- 2729554 zainabmejah@mot.gov.my	KEM. PENGANGKUTAN MALAYSIA	T : 03-8886 6000/6050 F : 03-8889 1569
15.	PN. NORLIAH BT SAJURI 013-2492012 norliashsajuri@yahoo.com	KOSONG	KEM. PENGAJIAN TINGGI	T : 03-8883 5000 F : 03-8889 3921
16.	CIK SHARIDAH BT ZAINAL ABIDIN 019-375 5319 sharidah@mohr.gov.my	PN. ALLAWIYAH BT MAT HUSIN (S32) 019- 9519598 allawiyah@mohr.gov.my	KEM. SUMBER MANUSIA	T : 03-8886 5623/ 5619 F : 03-8889 2389
17.	PN. ZAHIRNA BT HARON 012-2431803 zahirna@kkr.gov.my	EN. MOHD TAUFIK BIN MOHD ARSHAD (32) 013- 202107 taufik@kkr.gov.my	KEM. KERJA RAYA	T : 03-2771 4908 (DL - UST) T : 03-2771 4943 (DL- US) F : 03-2711 8346
18.	PN. ROSLIZA BT ABDUL LATIF 013-2936071 rosliza@kettha.gov.my	EN. MUHAMMAD SOLEH BIN HUSSAIN (S27) 017-6363747 soleh@kettha.gov.my	KEM. TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR	T : 03-8883 6098 T : 03-8883 6301 (DL - US) F : 03-8889 2253
19.	KOSONG	EN. MOHD HAFIZ BIN HANIF (S27) 017-3832581 hafiz.hanif@miti.gov.my	KEM. PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)	T : 03-6203 4564 F : 03-6203 1303
20.	PN. MARZULINA BT OMAR 016-2536153 marzulina@nre.gov.my	PN. NIK HAZAMA BT NIK ABDULLAH (S32) 019-6668786 hazama@nre.gov.my	KEM. SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	T : 03 8886 1111 (GL) T : 03-8886 1716 (DL) F : 03-8888 0539 (Faks Pegawai Kader)
21.	CIK SALINA BINTI SALLEH 016-250 9038 salina.salleh@treasury.gov.my	PN. ROGAYAH BT DOLAH (32) 019-3632658 rogayah.dolah@treasury.gov.my	KEM. KEWANGAN MALAYSIA	T : 03-8882 3000 (GL) T : 03-8882 3156/57 (DL) F : 03-8882 4120
22.	DATIN MASIHAT ABDULLAH 016-250 9038 masihat@kln.gov.my	EN. AMIRUDDIN BIN ABDUL WAHAB (S32) 012- 2509627	KEM. LUAR NEGERI	T : 03-8887 4776 (DL) F : 03-8889 3201
23.	PN. RUZITA BT MOKHTAR 019-2987989 ruzita@islam.gov.my	EN. MOHAMAD BIN SALAN (S27) 012- 3890730 mohamadsalan@kpkk.gov.my	KEM. PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGUANAN	T : 03-8882 5500 (GL) T : 03-8882 5722 (DL) F : 03-8882 5764
24.	EN. HAZMAN BIN CHE MOHAMED 013-8517013 amanlabuan@yahoo.com.my	PN. NOORHAZIZAH BT. HUSSIN (S27) 012- 9299372 noorhaizah@kppk.gov.my	KEM. PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	T : 03-8880 3300 (GL) T : 03-8887 8377 (DL) F : 03-8880 3481
25.	PN. SHUKREYAH BT ZAWAWI 012- 3084825 shukreyah5038@yahoo.com.my	PN. NOR ASMAH BT ISMAIL (S32) 012- 2596320 norasmah@mois.gov.my	KEM. DALAM NEGERI	T : 03-8886 8064 (GL) T : 03-8886 8205 (DL) F : 03-8888 0756
26.	EN. MOKHTAR BIN ABD. RAHMAN		SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU	T : 09- 6235 185 F : 09- 6252 525
27.	EN. ABDUL HALIM BIN TAWIL		SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA	T : 06- 2307 220 F : 06- 2328 350
28.	PN. MAIZURA BT SHAMSUDDIN		SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS	T : 04-9738 800 F : 04-9775 863



Akan Terbit

Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, JAKIM, Aras 1, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya

Tel : 8886 4000

Faks : 8889 4951

www.islam.gov/islamhadhari